

Meskipun terdapat dasar penswastaan Kerajaan terus jaga kebijakan awam — PM

KUALA LUMPUR 14 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memainkan peranannya sebagai 'penjaga kebijakan awam' meskipun terdapat dasar penswastaan.

Perdana Menteri berkata, penswastaan tidak

sekali - kali bermakna kerajaan akan melepaskan tanggungjawabnya kepada masyarakat.

Berucap merasmikan satu persidangan mengenai penswastaan anjuran Persatuan Bank & Bank Saudagar di sini hari ini, beliau menambah, kerajaan akan tetap bertanggungjawab ke-

pada orang ramai dan ia mesti memastikan penswastaan memanfaatkan semua yang berkenaan.

Menurut beliau lagi, kerajaan percaya penswastaan berfaedah kepada negara dan akan terus melaksanakannya dengan rasa tanggungjawab.

Dr. Mahathir juga

mengingatkan bahawa kerajaan tidak sanggup melihat syarikat - syarikat yang diswastakan mengalami kegagalan, dan tidak mahu dipaksa mengambil syarikat - syarikat itu semula apabila ia gagal.

Ini, katanya, kerana kerajaan tidak mahu melibatkan diri dalam bi-

jang perniagaan lagi.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa kerajaan akan memastikan syarikat - syarikat kepunyaan kerajaan tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab.

Beliau juga berharap institusi - institusi yang bertanggungjawab dalam sektor swasta seperti bank - bank saudagar, perunding - perunding perniagaan dan bakal - bakal usahawan dapat mengkaji dengan teliti kemampuan syarikat - syarikat yang hendak mengambilalih syarikat - syarikat kepunyaan kerajaan.

Tambah Dr. Mahathir lagi, kerajaan bukanlah tidak patriotik sekiranya secara kebetulan menyerahkan syarikat kepunyaannya kepada syarikat yang sebahagian dari ekuitinya dikuasai oleh orang - orang asing.

Bimbang

Mengenai kebimbangan jatuhnya industri - industri strategik ke tangan orang - orang asing beliau berkata ia boleh dielakkan dengan meletakkan beberapa syarat sebelum industri berkenaan diswastakan.

Berhubung dengan ekuiti asing dalam perusahaan awam bukan kewangan (NFPEs) Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan akan hanya mempertimbangkannya untuk syarikat - syarikat yang melibatkan diri dalam bidang pembuatan sahaja.